

18/05/1999

Langkah majukan program R&D

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan berbincang dengan semua institusi penyelidikan tempatan bagi menggariskan langkah ke arah meningkatkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata mesyuarat itu, yang akan diadakan minggu depan, dijangka dihadiri semua 23 institusi penyelidikan kerajaan serta beberapa institusi swasta.

Beliau berkata, pertemuan itu adalah sebahagian proses kajian semula program R&D negara khususnya ke arah mewujudkan program penyelidikan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Dalam mesyuarat itu, saya akan mengharapkan cadangan serta pandangan bernas semua pihak terbabit berhubung langkah terbaik ke arah meningkatkan program R&D negara," katanya selepas merasmikan sistem keselamatan kenderaan, Autoguard, di sini, hari ini.

Sistem Autoguard adalah sistem keselamatan kenderaan pertama yang dicipta di negara ini. Ia dikeluarkan oleh Top Autoguard Security Sdn Bhd (TAGS) dan dijual pada harga RM478 seunit (kenderaan 1.6 cc ke bawah) dan RM578 (1.6 cc ke atas).

Bulan lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan rasa kesal kerana program R&D dalam bidang mekanikal, elektrik, elektronik, perubatan dan banyak lagi bidang lain di negara ini, amat berkurangan.

Malah, Perdana Menteri turut kecewa kerana peruntukan R&D daripada kerajaan kerap tidak digunakan kerana tidak ada projek yang diusahakan oleh institusi penyelidikan.

Law berkata, kementeriannya minggu lalu membentangkan kertas kerja khas berhubung status program R&D dan pembiayaan yang dikeluarkan setakat ini.

"Sehingga kini, hampir 90 peratus peruntukan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (IRPA) berjaya dikeluarkan, dan kajian semula program berkenaan perlu dilakukan segera," katanya.

Menurutnya, kajian semula itu turut membabitkan mekanisme penilaian dan pemilihan projek IRPA, pemantauan prestasi projek penyelidikan serta merumus projek pada masa depan.

Sejumlah RM470 juta yang diperuntukkan kepada IRPA menerusi RM-7 sejak 1996 hingga 1998 sudah diagih kepada 33 institusi R&D.

Peruntukan terbesar iaitu RM82 juta diagihkan kepada Universiti Putra Malaysia untuk membiayai 379 projek, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (RM51 juta/393 projek) dan UM (RM50 juta/246 projek).

(END)